

Syarat Mohon Kad Kredit

Permohonan Kad Kredit Anda Ditolak?

Untuk permohonan kad kredit bukan lah sukar mana. Andai kata anda sudah layak dengan syarat syarat gaji minimum. Kebiasaannya permohonan anda akan diluluskan.

Syarat [permohonan kad kredit](#) bagi setiap bank pastinya berbeza, terutama dari segi gaji minimum. Tapi kalau masih nak dirungkapkan, secara generalnya syarat syarat permohonan kad kredit adalah seperti berikut:

Monthly Income > RM 2000

Boleh dikatakan setakat ini, kadar pendapatan yang paling minimum untuk [permohonan kad kredit](#) ialah RM 2 000.

Pengalaman Bekerja

Untuk anda yang baru sahaja mula bekerja (fresh graduate) mungkin ada masalah sedikit untuk mendapatkan perlepasan. Kalau tidak silap saya, sekurang kurangnya 1 tahun pengalaman bekerja baru anda layak untuk memohon kad kredit. Tambahan lagi kalau pekerja kontrak. Walaubagaimanapun ia masih lagi bergantung kepada bank juga. Tak salah kalau kita cuba apply.

Komitmen Yang Lain adalah PLUS POINT

Macam biasa, bila sudah jadi manusia ni, memang kita akan ada hutang atau bahasa yang lebih manis sikit ialah komitmen di tempat lain nya. Seperti contoh kereta atau motor.

Kalau anda sudah ada hutang hutang ini, bila mohon kad kredit mesti permohonan anda akan lebih mudah. Sebab janji pembayaran anda terbukti. Bank suka ini, menunjukkan komitmen dan tanggungjawab anda tu ada dan terbukti.

Kelebihan Mohon Kad Kredit

Mungkin kelebihan yang paling utama ialah andai kata anda ingin mohon pinjaman peribadi, permohonan anda akan lebih mudah diluluskan.

Sebab, masa mula mula saya cuba apply untuk pinjaman peribadi Hong Leong Bank atau pun CIMB Bank. Kadar jumlah loan saya tu terganggu disebabkan saya tiada apa apa rekod pembayaran bank.

Bank biasalah, dia nak kita ni biasa berhutang, dan boleh bayar dan patuhi jadual pembayaran hutang.

Bermaksud, mana yang masih belum pernah berhutang, jangan yakin sangat dengan permohonan anda akan diluluskan.

Pernah ada pengalaman sorang kawan ni.

Sudah ada 2 kad kredit yang hampir limit, ada juga lagi satu plan pinjaman peribadi kalau tidak silap. Tapi masih lagi boleh lulus pinjaman kereta yang hampir 45 000.

Kenapa macam ni?

Sudah pasti nya, jadual pembayaran hutang hutang nya baik. Kemas, tak ada miss.

Dan kawan yang sama saya ni juga, baru baru ni juga dapat call dari Hong Leong Bank, sebab mereka nak offer kawan saya ni satu plan pinjaman peribadi pula.

Begitu juga dengan apa yang berlaku pada saya pada bulan November 2016.

Dalam masa petang macam tu, tiba tiba ada satu call dari CIMB Bank. Offer saya untuk satu plan pinjaman peribadi disebabkan pembayaran kad kredit CIMB Platinum saya baik setiap bulan.

Walaupun ada yang tertunggak. **YANG PENTING, MESTI BAYAR YANG MINIMUM.**

Boleh dapatkan Cash Tunai Cepat

Kadang kadang kita mesti terpaksa perlukan duit yang banyak dengan cepat bukan.

Tak ada lah sampai 10 ribu, 20 000. Tapi kadang kadang terpaksa nak juga dalam RM 3000 contohnya.

Untuk buat pinjaman peribadi RM 3000 memang banyak proses nya.

Mungkin perlukan 2 minggu juga untuk proses. Dan kalau anda buat pinjaman RM 3000 sekalipun bukannya dapat jumlah yang sama. Pasti akan tolak insurance semua.

Tapi dengan kad kredit ia lebih mudah anda kata anda memang terdesak.

Sebab kita boleh minta tukarkan hutang kad kredit ini kepada bentuk cash.

Dan bayaran bulanan minimum pun tidak tinggi, seperti contoh kalau anda ada pending dengan kad kredit hanya perlu bayar RM 187 (bergantung kepada jenis kad) sahaja sebulan.

Kad Kredit Akan Menyusahkan Kita

Memang, kalau kita tidak pandai manage. Kad kredit memang senang senang sahaja akan menambahkan lagi kewangan anda.

Dan itu sebab, amat penting untuk anda betul betul pandai uruskan.

Jangan berbelanja pada benda yang anda tidak mampu bayar.

Dan yang paling penting, jangan tangguh tangguhkan pembayaran bulanan kad kredit anda.

Jangan beli barang yang anda tidak cukup duit untuk bayar balik.

Apa point yang tak sepatutnya anda letak dalam resume

Kalau yang article sebelum ini, saya ada share [point yang anda mesti letak dalam resume](#).

Point point tersebut bukan dipilih secara rawak macam itu sahaja, tapi lebih kepada perkara yang dapat membantu, menaikkan impression baik pada employer.

Baik dari segi dedikasi anda bekerja, sehinggalah credibility atau pun kebolehan atau pun pengalaman yang anda ada.

Tapi itu lah, kadang kadang bila tengah letak maklumat sebagai [point resume](#) ni, ada juga perkara yang kita tak sengaja terletak. Jadi mungkin akan buat 2 perkara ini berlaku:

1. perkara yang MEMBUANG masa employer untuk tahu

ini ibaratnya kalau anda letak, takut takut employer akan rasa macam buang masa sahaja untuk dia baca. So bayang kan, ikut kajian employer baca resume kita, view lebih kurang dalam 7 hingga 8 saat sahaja.

Bermaksud, focus anda mesti jangan buat diorang rasa boring, dan cepat cepat grab attention diorang supaya terus kekal baca resume kita. Ye la 7 8 saat. Mana cukup kan.

Itu yang satu.

Yang kedua, mungkin saya rasakan ialah

takut takut maklumat yang anda letak, akan

2. **rosakkan prestasi anda**

Ini pun penting, seperti contoh, katakan CGPA anda rendah, dalam 2.50, dan memang terserlah lah ke tak berapa nak pandai nye. Jadi, kalau anda letak, takut takut ia akan buat employer rasa anda tak layak. So lebih baik jangan letak.

INGAT

Yang apply bukan anda sorang.

Yang semasa saringan pun lagi lah bukan anda sorang.

So, kita kena sangat sangat usaha dan detailnya untuk apply benda ni.

Ok..point pertama perkara yang tak sepatutnya anda letak dalam resume ialah

1. **CGPA**

Yang saya cakap atas tadi.

Kalau CGPA anda rendah, tak perlu.

Macam saya sendiri, rasanya saya tak pernah letak kot.

Tapi macam mana pula kalau company itu suruh letak?

Kalau macam ni, tak payah la habis duit apply, cari company lain

Tapi kalau nak cuba nasib apa salah nya, mana tahu pengalaman anda ok.

2. **Pencapaian yang tak tercapai**

Mungkin anda ada cerita projek itu projek ini buat kat

previous company, tapi hasilnya tak ada. So tak perlu letak juga

3. Perkara Negatif

Mungkin tentang company sebelum nya. So tak perlu sembang tentang itu.

Tapi...

Hah ni nak cakap juga, biasa dengar tak, kalau kita nak pergi [interview](#), jangan sembang hal buruk tentang previous company. Ada dengar?

Ada betulnya juga, tapi bagi saya apa lah salahnya kalau cerita company tu memang dah problem. Kalau ok buat apa kita cari lain kan.

Tapi anda cerita dengan hati hati ya. Sikit sikit cukup.

4. Objektif Yang Tinggi Melangit

Saya ada dulu buat ni. Adoi, nyesal betul.

Tapi bukan masa interview, selepas nya tu.

Saya ada cakap, saya nak kerja yang gaji nya total dalam 5k sebulan. Saya sudah dapat sini 3 atau 4 sebulan. Tapi saya nak 5 atau 6k sebulan sekarang. Kalau ada kerja jawatan yang macam ni, sila contact saya.

Lebih kurang macam itu lah. Sangat sangat menyesal

5. jangan tak buatnya point by point

Maksudnya macam ni lah, kalau saya sendiri, buat article di blog saya ni macam satu perenggan sahaja.

Tanpa bahagian kepada perenggan yang lain,

Tanpa buat macam bullet point

Tanpa ada sebarang tone.

Agak agak awak boleh focus tak dengan apa yang saya sampaikan?
Mesti lah tak.

So bila buat macam bullet point tu, agak buatkan orang lebih senang untuk baca dan lebih mudah untuk focus.

6. guna design template yang unik

Saya ada mention banyak kali, kalau buat resume mesti buat yang cantik cantik.

Anda boleh sahaja gunakan template dari microsoft word, contoh macam saya guna sekarang tahun 2016 punya. Cuma masalah nya, benda ni free, dan memang ramai lah orang akan guna design yang sama juga.

So ada elok nya kalau anda gunakan design yang unik. Dalam 50 ringgit dah boleh dapat.

7. pengalaman kerja yang tidak related

Ni pun naya juga, kalau boleh letak yang related sahaja. Baru nampak macam anda focus dan sangat berpengalaman. Sebab bidang yang sama.

8. Hobby

Saya rasa lah kan, hobby macam suka bermain video game ni. Adoi tak perlu lah letak.

Tambah lagi kalau hobi yang pelek.

Tapi kalau tak silap, first time Interview saya, ada juga diorang tanya hobbi apa.

Saya cakap men game

Tapi lepas tu, tak ada dah.

Diorang lebih berminat dengan pengalaman saya.

Even certificate diploma saya pun diorang tak tengok.

Andai kata kalau saya tertinggal sijil tu pun tak da masalah.

Sebab memang tak akan tengok.

Tapi tak berani lah saya buat, mana tahu minta pula.

9. jangan beriya

Perasan tak, ada contoh contoh resume tulis macam ni.

"I am excellent worker and great multi tasker, I can work on my own and do my job with no need monitoring"

Biasa?

Saya sendiri menyampah duk baca nya.

So tak payah nak beriya.

Sebab benda ni boleh dinilai daripada bullet pengalaman anda.

Seperti contoh saya...



Di atas adalah point untuk salah satu pengalaman kerja saya.

Perhatikan yang saya mark kuning tu. Ini pun dah menunjukkan kredibiliti kita. Lebih baik lagi, bukan sahaja kita macam cakap kosong, even better kita buktikan juga dengan pengalaman

kerja yang ada. Cewwah, kan dah tercakap even better.

hah, bagus juga kalau anda bold atau highlightkan mana sentence yang anda rasa killer dalam resume anda. Contoh yang macam saya buat kekuningan atas tu.

Ok, kita pergi ke point yang seterusnya..

10. jangan salah ejaan.

Ini tak perlu saya hurai lebih lah. Faham faham lah ya.

Jangan juga tulis resume anda macam saya buat article ni, ini lebih sesuai untuk penulisan blog sahaja.

Baik..

Sekian dulu.

Itu sahaja.

Kalau anda masih lagi belum berkesempatan untuk lihat post yang lagi satu, iaitu apa pula [perkara yang sepatutnya anda letak dalam resume](#), boleh beralih ke post yang itu ya.

Terima kasih sebab membaca.

Apa point nak letak bila buat resume

Banyak juga point yang saya ubah tambah tukar edit update dalam blog ni.

Post ni antara satunya,

Untuk post yang lain saya senaraikan di bahagian bawah sekali ya. Nanti lama lama saya akan kumpulkan jadi satu page sahaja. Tengah duk sibuk buat artikel dan bagi blog saya ni nampak cantik sikit dulu.

berbalik kepada motif pertama...

Tadi saya terbaca satu article dari [Monster.com](https://www.monster.com), website ni kiranya macam jobstreet juga lah. Tapi diorang ni lebih rajin buat article sebagai guideline untuk kita. Tak macam Jobstreet yang hanya duk post jawatan kosong sahaja. Untuk tips tips cari kerja diorang tak berapa nak beri tips sangat.

So ada juga saya rujuk daripada article monster untuk dapatkan sesetengah data kerjaya yang sememangnya tak mampu untuk saya dapatkan.

Dan tengah belek belek.

Terjumpa ayat..

‘Employer nak tahu kebolehan apa yang anda mampu buat, bukannya berapa lama anda masih lagi boleh hidup’

Terasa juga lah lawaknya di situ.

Article tu, monster ada kongsi perkara yang tak sepatutnya anda letak dalam resume. Saya ada share tentang topik ni di, [“jangan letak benda ni dalam resume”](#).

Untuk yang sekarang ni, perkara perkara yang MESTI anda letak dulu ya.

Alright, kalau tiada apa apa, kita mula lah ya.

Eh lagi satu, di bawah ni tak tersusun ya. Pandai pandai lah anda rangkanya nanti. Dan tak semestinya anda mesti taruh semuanya juga [dalam resume](#) ni. Jadi essay pulak.

1. Contact information

Macam biasa lah, letak no tel bimbit, tel umah. Email.

Email tu jangan lah yang bunyi pelek pelek, buat ianya profesional. tak ada dah nak cutegirl88@gmail semua tu.

2. References

Ini bahagian yang PALINGGGGGGGGGGG penting tau.

Eh bukan lah palingg penting. Ada lagi la yang penting. Dan ini adalah antara salah satu nya.

Tujuan nya bukan apa, kalau anda duk gebang macam mana pun cerita dalam resume, atau pun masa interview. Akhirnya sekali mesti lah lebih baik kalau anda bukti kan.

Macam saya sendiri, setiap company yang saya kerja. Mana bos bos yang saya kira rapat lah dengan saya. Saya akan simpan contact number diorang dan letak dalam resume sebagai references.

Dan ayat yang biasa saya guna,

“ kalau nak dapatkan lebih kepastikan, boleh contact mereka ni, sebab saya kerja rapat dengan diorang’. Contohnya lah.

Dan saya juga suka letak macam description sikit untuk setiap references tu.

Seperti contoh



Di atas ni adalah exact reference dari resume saya.

Perhatikan bahagian relation tu. Ayatnya

“ Work as assistant engineer, I get most of duty plan and instruction every day from him “

Ayat ni ibaratnya, nak buat kan si employer boleh contact AE ni untuk kenal saya dengan lebih lanjut. Rajin ke tak saya ni.

3. Pengalaman Kerja

Kalau company anda kerja tu tak berapa nak popular, elok juga letak macam description tentang company tu. Berapa perkerja yang ada. Apa product diorang semua.

4. **Kebolehan/skills**

Yang ini bahagian yang macam tahu guna computer ke tak.

5. **Active bersukan atau tidak**

Bahagian ni company memang suka kalau anda aktif.

6. **Perkataan yang sama di iklan job requirement**

Ini tips mahal ni, anda gunakan exact keyword yang company guna di job advertisement. Benda ni bukan apa memudahkan lah untuk company tu di grab attention dengan apa yang diorang mahu kan. Buat ni ya, penting sangat.

Dalam bahagian saya kongsi [cara buat resume](#), memang ada beri focus sangat tentang ni.

7. **Accomplishment/kejayaan**

Contoh kejayaan.

Seperti nya mungkin anda ada buat projek di kilang lama ke. Dalam proses nak cuba improve kan sesuatu benda tu kan. So buat lah satu summary tentang ni juga.

8. Personal statement

Personal statement lebih kepada moto anda sendiri. Kiranya apa yang anda harapkan.

Benda ni menunjukkan macam anda ni jujur sikit.

9. Education/Training

10. **Certificate, Atau Apa Sahaja Related Pencapaian Kalau Ada**

Mungkin juga anda ada join program seperti [Niosh](#) contohnya. Mahal kos ni kan kalau nak ambil. So sumbat lah sekali di bahagian ni.

11. **Additional Skills**

Mungkin ada related skills yang lain ker.

12. **CGPA**

Kalau company tu memang focus pada CGPA kan, boleh lah letak. Tapi kalau tak, dan CGPA anda pun rendah, simpan je lah hasrat tu.

13. **Minat**

Apa yang anda minat ya, bukan pasaraya Minat.

Seperti contoh, anda suka kerja dengan mesin ke. Ayat ni suai lah untuk technician.

14. **Social media link**

Ada satu kajian, saya tak pasti siapa yang buat. Tapi saya dapat maklumat ni daripada LinkedIn.

Dan salah satu faktanya ialah, employer ni suka kalau anda active Facebook. Kiranya nampak lah sikit macam tak berapa nak katak dalam tempurung tu kan. Macam saya. Facebook saya memang bersawang.